

**Garis pandu mengadakan Acara Persembahan di Kawasan yang Berdekatan dengan Masjid, Surau dan Balai Ibadat** adalah seperti berikut:

**1. TEMPAT-TEMPAT BERDEKATAN DENGAN KAWASAN MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT**

Tempat-tempat berdekatan dengan kawasan masjid, surau dan balai ibadat itu adalah tempat-tempat yang jaraknya lebih kurang 300 hasta (139 meter) dari kawasan masjid, surau dan balai ibadat tersebut, mana-mana yang berkenaan.

**2. JENIS-JENIS ACARA YANG TIDAK DIBENARKAN DIADAKAN DI TEMPAT-TEMPAT YANG BERDEKATAN DENGAN KAWASAN MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT**

- 2.1 Pertunjukan opera, lakonan aneka-aneka ragam, persembahan muzik, nyanyian, karaoke, tarian, gimnastik, sarkas, acrobat, aerobic dan legerdemain, dan peragaan (yang digayakan oleh model manusia);
- 2.2 Pertunjukan perhiasan peringatan (tugu peringatan) dan gambaran makhluk benar atau khayalan;
- 2.3 Persembahan pameran binatang atau orang;
- 2.4 Persembahan taman hiburan dan pesta keraian;
- 2.5 Persembahan pameran model, patung, atau bentuk-bentuk lain gambaran potongan badan manusia atau binatang, pameran filem dan pertunjukkan boneka;
- 2.6 Pertunjukan mesin atau peranti yang jika dimanipulasi memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang;
- 2.7 Pertunjukan meja-pin dan permainan video;
- 2.8 Persembahan pertandingan berancang bagi permainan kemahiran atau nasib; dan
- 2.9 Mana-mana gabungan sebarang bentuk hiburan yang tersebut di atas.

**3. JENIS-JENIS ACARA YANG BOLEH DIADAKAN DI TEMPAT- TEMPAT YANG BERDEKATAN DENGAN KAWASAN MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT**

- 3.1 Acara-acara keagamaan sempena hari-hari kebesaran Islam;
- 3.2 Acara-acara kebajikan seperti kutipan derma amal dan yang seumpamanya;
- 3.3 Persembahan lakonan, pantomim, tablo dan perarakan;
- 3.4 Pertunjukan bunga api;
- 3.5 Pertunjukan bahan bacaan, gambar, fotograf, pertunjukan gambar yang dilihat melalui kanta pembesar pada lubang kecil;

- 3.6 Pertandingan sukan;
- 3.7 Pertunjukan pameran perdagangan;
- 3.8 Persembahan drama, bacaan, sajak, syair, nasyid, forum, ceramah, kuliah, ucapan, perbahasan, perbincangan dan yang seumpamanya;
- 3.9 Acara-acara memperingati hari-hari bersejarah;
- 3.10 Persembahan senaman cergas;
- 3.11 Persembahan seni pertahanan diri;
- 3.12 Persembahan perarakan basikal dan kenderaan berhias; dan
- 3.13 Persembahan pukulan hadrah.

dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut: -

- 3.14 Tidak melibatkan sebarang bunyi-bunyian atau muzik yang dilarang oleh Hukum Syara’;
- 3.15 Tidak melibatkan tarian;
- 3.16 Tidak melibatkan perkara-perkara haram dan syubhah;
- 3.17 Tidak melibatkan percampuran bebas antara lelaki dan perempuan; dan
- 3.18 Tidak berpakaian memdedahkan aurat atau tidak sopan.

#### **4. ACARA-ACARA YANG DIADAKAN DI TEMPAT-TEMPAT YANG TIDAK BERDEKATAN DENGAN KAWASAN MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT**

- 4.1 Jika jarak sesuatu tempat lebih daripada 300 hasta (139 meter) daripada kawasan masjid, surau atau balai ibadat berkenaan, hiburan-hiburan tersebut tidak boleh diadakan di tempat itu, jika tempat itu adalah tempat terbuka yang boleh membawa atau menyebabkan kehormatan masjid, surau atau balai ibadat berkenaan tercemar.
- 4.2 Kebenaran boleh diberikan untuk mengadakan hiburan berkenaan di tempat yang disebutkan di perenggan 4.1 di atas dengan syarat:
  - 4.2.1 Tempat tersebut hendaklah tertutup atau terlindung; dan
  - 4.2.2 Suara atau bunyi-bunyian daripada tempat hiburan itu tidak sampai kedengaran ke masjid, surau atau balai ibadat berkenaan.